

# Barisan pelapis berpotensi terajui Umno: PM

BH 17 APR 2000

KUALA LUMPUR 17 April — Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Umno mempunyai barisan pelapis yang berpotensi serta berkebolehan untuk menerajui parti dan kerajaan.

Malah, kata Perdana Menteri, Umno sedang dan sentiasa menyusun barisan pelapis dengan memberi peluang generasi muda memikul tanggungjawab sebagai persiapan mengambil alih kepemimpinan parti dan kerajaan.

“Generasi akan datang, akan menjadi barisan pelapis apabila mereka diberi peluang untuk menerajui kerajaan. Saya yakin mereka akan dapat menunjukkan potensi mereka.

“Mungkin kita tidak nampak kebolehan mereka, tetapi kita sedar apabila seseorang itu diberi tanggungjawab, kita dapat melihat dengan nyata kebolehan mereka.

---

**Wawancara khas dengan Perdana Menteri  
— MUKA 10**

---

“Saya pernah dianggap oleh orang Cina sebagai orang yang paling tidak berguna sekali. Tapi sekarang ini mereka bertukar pendapat selepas saya diberi peluang untuk membuktikan kebolehan,” katanya dalam temu ramah khas dengan *Berita e-Umno* — akhbar elektronik parti itu, yang disiarkan melalui laman webnya [www.umno.org.my/e-umno](http://www.umno.org.my/e-umno).

Dalam temu bual itu, Presiden Umno turut ditanya mengenai perkembangan Umno sekarang, terutama selepas kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang, Pahang, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, kemenangan RN di Sanggang sedikit sebanyak menunjukkan imej Umno semakin pulih.

Malah, beliau yakin di tempat lain juga sudah ada petanda pengundi Melayu kembali menyokong Umno dan BN.

“Dulu mereka mengundi parti lawan kerana kita kurang memberi penerangan dan timbul kekeliruan di kalangan mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kadangkala orang Melayu terpaksa diberi peringatan mengenai kelemahan mereka dan pentingnya bersatu padu.

Katanya, tanpa amaran seperti itu kononnya mahu menjaga hati orang Melayu supaya tidak tersinggung, mereka akan meneruskan cara-cara yang merugikan dan tidak membawa kebaikan kepada bangsa sendiri.

Ditanya sama ada perpaduan dalam Umno sudah bertaut kembali kerana perpecahan dalam parti itu adalah antara punca kemerosotan prestasinya dalam pilihan raya umum lalu, Perdana Menteri mengingatkan ahli parti itu bahawa perjuangan dalam Umno bukan untuk diri sendiri, tetapi untuk bangsa, agama dan negara.

LIHAT MUKA 2, RUANG 5

## Hayati perjuangan Umno: PM

DARI MUKA 1 BH 17 APR 2000

Dr Mahathir menegaskan bangsa Melayu kini bukan saja menikmati kemajuan, peluang pekerjaan, perniagaan, biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dan sebagainya, malah dihormati bangsa lain.

“Ini adalah apa yang kita dapat hasil daripada perjuangan Umno. Walaupun mungkin kita minta lesen tak dapat, kita tak dapat menang tender dan sebagainya, itu kita tak jamin. Kita akan usaha tetapi kita tak jamin semua orang akan dapat apa yang mereka tuntut,” katanya.

Oleh itu, kata beliau, penjelasan ini perlu diberi kerana sesetengah orang Melayu termasuk guru, sudah lupa menpenai perjuangan sebenar Umno.

Dr Mahathir berkata, dulu guru memang pejuang kebangsaan dengan menjadikan Umno sebagai saluran perjuangan itu.

“Sekarang ini mungkin mereka (guru) rasa kecewa tentang kenapa. Oleh sebab itu, mereka tidak ingin mengetahui mengenai perjuangan Umno yang sebenar. Sebab itu, mereka tidak dapat memberi penerangan kepada

murid-murid mengenai perjuangan kebangsaan kita,” katanya.

Beliau berkata, sebilangan orang Melayu juga tidak bersyukur, malah sebelumnya ada yang menyatakan bahawa orang Melayu harus kurang ajar dan tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan.

Mengenai tindakan sesetengah guru yang menjadi perosak dengan menyebarkan dakwah serta mengeksploitasi pelajar seperti yang berlaku dalam pilihan raya kecil Sanggang baru-baru ini, beliau berkata ia berpunca

daripada kurangnya pengetahuan mengenai perjuangan Umno.

“Mereka berpendapat kalau mereka merosakkan Umno, orang Melayu tidak akan rosak. Ini salah kerana kalau berlaku perpecahan dan mungkin orang yang tidak berupaya akan mempengaruhi kerajaan atau mungkin menguasai kerajaan, dan jika masalah besar seperti kegawatan ekonomi, mungkin kita tidak dapat tangannya. Mungkin kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing,” katanya.